



BAB 2 PELAKSANAAN DASAR PEMBANGUNAN

PELAN INDUK LANDSKAP MAJLIS DAERAH JERANTUT

2.0 PELAKSANAAN DASAR PEMBANGUNAN

2.1 PELAKSANAAN DASAR-DASAR PEMBANGUNAN YANG DIAMBIL KIRA

2.1.1 Rancangan Fizikal Negara

Penekanan utama kerangka Rancangan Fizikal Negara dalam pembangunan Daerah Jerantut adalah sebagai sebuah “ **Bandar Pelancongan**” . Ini kerana Daerah Jerantut telah dikelaskan dalam kategori Bandar Pelancongan (*Tourism Town*) dan terletak berhampiran dengan Nodus Pembangunan Komunikasi dan Pengangkutan Masa Hadapan.


2.1.2 Rancangan Struktur Negeri Pahang

Berdasarkan kepada faktor spatial, tekanan dan strategi pembangunan yang seimbang, Daerah Jerantut terletak dalam Zon Pembangunan Utara bersama dengan Daerah Lipis, Raub dan Cameron Highlands dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN) Pahang. Matlamat Rancangan Struktur Negeri (RSN) Pahang adalah “**Untuk Meningkatkan Kualiti Hidup Dan Kesejahteraan Rakyat Pahang Melalui Pembangunan Fizikal Yang Mampan**”. Maka itu, objektif pembangunan Negeri Pahang dibentuk berdasarkan tiga komponen iaitu ekonomi, fizikal dan sosial agar matlamat Rancangan struktur Negeri (RSN) ini dicapai.

Strategi pembangunan negeri memfokus kepada pembangunan ekonomi dalam mana Rancangan Struktur Negeri Pahang 2002-2020 telah mensasarkan **Strategi “Tri-Fokus”** ekonomi. Menerusi strategi ini, pembangunan ekonomi yang tinggi dan stabil menjadi salah satu daripada agenda utama pembangunan mampan yang bakal dilaksanakan dengan penekanan kepada tiga sektor teras iaitu pertanian, perindustrian dan pelancongan. Ketiga-tiga sektor ini bakal berperanan sebagai pendorong (*impetus*) yang akan memperluas dan memantapkan lagi asas ekonomi negeri. Sasaran utamanya ialah menjadikan Pahang sebagai negeri pengeluar makanan utama negara, pusat perindustrian utama di Pantai Timur selain sebagai destinasi pelancongan sepanjang tahun.



Rajah 2.1 : Objektif Pembangunan Negeri Pahang
Sumber: Rancangan Struktur Negeri Pahang, 2002-2020



Rajah 2.2 : Strategi “Tri-Fokus” Ekonomi Negeri Pahang
Sumber: Rancangan Struktur Negeri Pahang, 2002-2020

Dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN) Pahang, strategi pembangunan yang berkaitan dengan kawasan Daerah Jerantut adalah seperti berikut:-

a. Strategi Pembangunan Pertanian

- i. Menambah bilangan dan keluasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan untuk buah-buahan, sayuran dan juga herba di zon-zon dan kluster yang berkaitan.
- ii. Menggalakkan pembangunan pertanian berkonsepkan agro pelancongan bagi kawasan yang dikenal pasti untuk tujuan tersebut.

b. Strategi Pembangunan Industri

- i. Meningkatkan lagi sistem jaringan jalan raya sedia ada bagi meningkatkan lagi pembangunan industri.
- ii. Pembangunan kawasan industri akan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan kemudahan sokongan lain seperti perumahan dan pendidikan.
- iii. Mempertingkatkan tahap kebolehpercayaan kemudahan utiliti seperti bekalan air, elektrik dan telekomunikasi di semua kawasan perindustrian di negeri ini.

c. Strategi Pembangunan Pelancongan

- i. Mengadakan pakej pelancongan yang menarik merangkumi rangkaian lawatan dari pusat pelancongan utama seperti Kuantan, Genting Highlands, Cameron Highlands, Pulau Tioman dan Taman Negara bagi meningkatkan tempoh menginap dari dua hari pada tahun 2002 kepada empat hari pada tahun 2020.
- ii. Melaksanakan program-program meningkatkan lagi kualiti alam sekitar dengan pemantauan berterusan di destinasi pelancongan seperti di Taman Negara.
- iii. Pokok-pokok spesis eksotik tidak boleh ditanam di kawasan pelancongan berasaskan alam semulajadi seperti di Taman Negara.
- iv. Kawasan pelancongan berasaskan alam semulajadi perlu dipulihara dengan mengguna pakai garis panduan yang telah ditetapkan di dalam Pelan Eko-Pelancongan Kebangsaan.

d. Strategi Pembangunan Kemudahan Sosial

- i. Menyediakan keperluan perumahan yang mencukupi.
- ii. Menyediakan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang mencukupi serta serba lengkap meliputi jalan raya, bekalan air, elektrik, telekomunikasi, pembentungan dan pusat pelupusan sisa pepejal serta sisa toksik.

- iii. Keperluan pembinaan 'sanitary landfill' bagi pelupusan sisa pepejal domestik dan sisa buangan industri yang tidak dikategorikan sebagai Buangan Terjadual akan dilengkapi dengan sistem rawatan 'leachate'.
- iv. Menyediakan kemudahan pendidikan, keselamatan, kesihatan dan rekreasi yang mencukupi menjelang 2020.
- v. Memastikan setiap bandar dilengkapi dengan kemudahan sosial yang sesuai dengan fungsinya.
- vi. Mewujudkan satu pangkalan maklumat mengenai perkhidmatan sosial yang ditawarkan oleh semua sektor yang boleh dicapai oleh setiap anggota masyarakat dengan cepat, mudah dan pada kadar yang termampu.
- vii. Membangunkan perkhidmatan pakar di dalam semua bidang berkaitan dengan pembangunan sosial untuk memenuhi keperluan sebenar masyarakat.

2.1.3 Rancangan Tempatan Daerah Jerantut

Rumusan hala tuju pembangunan daerah di dalam Rancangan Tempatan Daerah Jerantut adalah seperti berikut:-

A. Fizikal

Pembangunan Daerah Jerantut ini menghala ke selatan daerah dengan pembangunan pesat di sekitar Pusat Bandar Jerantut. Ini disebabkan oleh:-

- i. Kekurangan kawasan yang berpotensi untuk pembangunan di kawasan Utara Daerah Jerantut yang disebabkan oleh pengekalan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (Taman Negara).
- ii. Lokasi pusat bandar Jerantut yang terletak berhampiran dengan Daerah Temerloh yang sedang membangun (Konurbasi Temerloh-Mentakab).

B. Ekonomi

- i. Mengoptimumkan kedudukannya yang berhampiran dengan Konurbasi Sekunder iaitu Konurbasi Temerloh-Mentakab.

- ii. Penguatan Daerah Jerantut untuk menjadi daerah yang maju dan sejahtera dengan ekonomi pertanian dan pelancongan sebagai pemangkin utama.
- iii. Menggalakkan industri pelancongan berasaskan keunikan alam semulajadi yang mampan tertamanya di Taman Negara dan Gua Kota Gelanggi.

C. Alam Sekitar

- i. Kekayaan dan keunikan hutan-hutan simpan dalam Daerah Jerantut perlulah sentiasa dipelihara dan dikekalkan untuk mencapai pembangunan yang mampan serta keseimbangan alam sekitar.
- ii. Hutan-hutan simpan kekal perlu berada dalam Zon Pengekalan.
- iii. Oleh kerana Taman Negara (Jerantut) merupakan destinasi utama pelancong, ia seharusnya dipelihara dan dikekalkan keasliannya.
- iv. Pembangunan di sekitar hutan simpan perlulah di beri pemantauan yang lebih serta kawalan alam sekitar yang berkesan contohnya zon penampungan yang secukupnya.

D. Sosial

- i. Penekanan kemudahan rekreasi dan kawasan lapang yang mencukupi agar dapat mencapai objektif pembangunan mampan.
- ii. Penyediaan kemudahan rekreasi dan kawasan lapang yang mencukupi di bandar dan luar bandar terutamanya dalam kawasan perkampungan.

2.1.4 Dasar Landskap Negara

Dasar Landskap Negara merupakan panduan bagi menyediakan hala tuju pembangunan landskap negara, merangkumi dasar strategi dan pelan tindakan yang mampu menjadi pemangkin kepada Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Penggubalan dan pelaksanaan Dasar Landskap Negara yang bermatlamatkan Malaysia Negara Taman Terindah 2020, akan dapat memacu negara ke arah

pencapaian persekitaran hidup yang berkualiti dan menyeluruh di samping menonjolkan identiti landskap Malaysia yang kukuh dan unik.

Hasrat ini dapat dicapai melalui pengekalan dan pemuliharaan sumber semulajadi, pelaksanaan pembangunan yang terancang serta sistem pengurusan landskap negara yang berkesan. Pewujudan persekitaran hidup yang kondusif dan seimbang dapat menggalakkan pertumbuhan sosio-ekonomi serta pembentukan masyarakat yang beretika dan berbudaya.

Prinsip Dasar Landskap Negara adalah seperti berikut:

- i. Etika pemuliharaan landskap semulajadi yang telah lama berakar umbi dalam nilai agama dan nilai budaya semua rakyat Malaysia perlu dikekalkan.
- ii. Sumber landskap semulajadi adalah khazanah yang perlu dipelihara dan diuruskan secara mampan sebagai pelaburan untuk menghasilkan faedah kepada negara.
- iii. Landskap yang mengutamakan ciri semulajadi, iklim dan ekologi setempat akan menghasilkan persekitaran kehidupan berkualiti.
- iv. Melandskapkan negara melalui usaha yang terancang rapi di peringkat nasional, negeri dan tempatan adalah tanggungjawab semua lapisan masyarakat.
- v. Kerajaan bertanggungjawab untuk melaksanakan Dasar Landskap Negara dengan kerjasama rapat semua pihak.
- vi. Kesedaran awam dan pendidikan berterusan adalah penting bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah.

Terdapat tujuh teras utama yang menjadi tonggak utama dasar ini dan setiap teras mempunyai strategi seperti berikut:

- i. **Teras 1:** Membudayakan kecintaan terhadap landskap.

Strategi 1.1: Mendidik dan memupuk kesedaran masyarakat untuk menghargai landskap.

- ii. **Teras 2:** Memantapkan dan mempertingkatkan kualiti landskap bagi mencapai matlamat Negara Taman Terindah.

Strategi 2.1: Merancang dan membangunkan landskap kawasan perbandaran yang mempunyai karakter landskap yang tersendiri, harmoni dan mampan berasaskan sumber semulajadi dan sosiobudaya agar kekal dalam arus pembangunan dan permodenan.

- iii. **Teras 3:** Membangunkan program pembangunan landskap bagi penyediaan infrastruktur hijau yang berfungsi dan mampan.

Strategi 3.1: Merancang, melaksana dan mengurus infrastruktur hijau secara sistematik dan efisien di kawasan perbandaran dalam usaha menangani isu pemanasan global dan perubahan iklim.

Strategi 3.2: Menggalakkan program pembangunan landskap yang mudah diurus dan mampan untuk mencapai matlamat Negara Taman Terindah.

- iv. **Teras 4:** Memelihara landskap semulajadi sebagai khazanah negara.

Strategi 4.1: Mengurus dengan rapi keaslian landskap semulajadi, contohnya Hutan Simpan Lipur Som.

Strategi 4.2: Mengenal pasti dan memajukan landskap yang mempunyai nilai yang tinggi dari aspek visual atau budaya.

Strategi 4.3: Mentadbir urus dengan bijaksana landskap di Kawasan Sensitif Alam Sekitar, contohnya Hutan Lipur Lata Meraung.

Strategi 4.4: Memelihara sumber landskap yang mempunyai nilai warisan yang tinggi sebagai aset negara.

Strategi 4.5: Memastikan pembangunan kawasan pelancongan mematuhi prinsip landskap secara bersepadu dan mampan.

Strategi 4.6: Meningkatkan potensi kawasan tanah terganggu melalui pemuliharaan landskap, contohnya bekas tapak pelupusan sisa pepejal di Kampung Mat Kilau.

- v. **Teras 5:** Membangunkan organisasi dan sumber manusia kompeten untuk pembangunan landskap negara.

Strategi 5.1: Memastikan pembangunan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan profesional dalam bidang landskap di peringkat nasional dan antarabangsa.

Strategi 5.2: Mewujud dan memantapkan struktur organisasi dalam bidang landskap di peringkat nasional, negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Strategi 5.3: Menggalakkan kolaborasi dan perkongsian pintar dalam pembangunan landskap.

- vi. **Teras 6:** Menyediakan perundangan, peraturan dan penguatkuasaan landskap.

Strategi 6.1: Menilai semula dan menggubal perundangan yang berkaitan landskap, contohnya undang-undang taman, undang-undang pemeliharaan kawasan semulajadi dan Penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

- vii. **Teras 7:** Memacu industri landskap negara.

Strategi 7.1: Memajukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) Landskap

Strategi 7.2: Menggalakkan pengembangan industri landskap

2.1.5 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Perlembagaan Persekutuan, Perkara 76(4) menyatakan keperluan penyeragaman undang-undang bersabit dengan aspek Kerajaan Tempatan. Menurut akta ini, antara peruntukan yang berkaitan meliputi perkara seperti berikut :

- i. Kuasa menjaga dan memelihara kawasan kegunaan awam;
- ii. Kuasa mengambil tindakan sekiranya berlaku pencemaran di dalam kawasannya; dan
- iii. Kuasa menjalankan kerja-kerja pembersihan dan aktiviti yang berkaitan dengannya.

2.1.6 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)

Akta Kualiti Alam Sekeliling menyediakan peruntukan yang berkaitan dengan perancangan bandar melibatkan perkara Kawalan dan Larangan Pencemaran Alam (Seksyen 18 hingga 34). Ianya memerlukan penyediaan laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) mengenai kesan kepada alam sekeliling akibat cadangan pembangunan dan perancangan yang akan dijalankan.

Dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) Subseksyen 34A(1) memberi kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab bagi perlindungan alam sekeliling setelah berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling menetapkan apa-apa aktiviti yang mungkin mempunyai kesan kepada alam sekeliling.

2.1.7 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) diperbuat menurut perkara 76(4)

Perlembagaan Persekutuan. Ianya hanya berkuatkuasa di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun pemakaian bagi negeri-negeri hanya boleh dibuat pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri yang berkenaan dengan persetujuan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bagi Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ianya menggunakan undang-undang perancangannya sendiri.

Pada asalnya Akta 172 ini mengandungi 9 bahagian dengan 59 seksyen dan kemudiannya telah dipinda sebanyak 3 kali iaitu antara tahun 1993 hingga tahun 2001. Akta-akta yang terlibat adalah:

i. Akta Perancangan Bandar Dan Desa (Pindaan) 1993 (Akta A866)

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) telah dipinda pada tahun 1993 dan dikenali dengan Akta A866. Akta ini dipinda dengan memasukkan peruntukan berhubung aktiviti pembetulan agar ianya selaras dengan Akta Perkhidmatan Pembetulan 1993 (Akta 508) yang diwujudkan pada tahun yang sama.

ii. Akta Perancangan Bandar Dan Desa (Pindaan) 1995 (Akta A933)

Pada tahun 1995, sekali lagi Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dipinda bagi menangani kelemahan yang wujud akibat

pembangunan yang mengabaikan pemeliharaan alam sekitar khususnya yang berkaitan dengan perintah pemeliharaan pokok. Keseluruhan peruntukan berkaitan dengan perintah pemeliharaan pokok ini dapat dilihat di Bahagian 5A bermula dari seksyen 35A hingga 35H Akta 172.

iii. Akta Perancangan Bandar Dan Desa (Pindaan) 2001 (Akta A1129)

Sekali lagi Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dipinda dan dikenali sebagai Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 (Akta A1129). Ianya dibuat bagi menangani masalah yang timbul khususnya dalam sektor hartanah dan mewujudkan peranan kerajaan persekutuan dalam hal ehwal Perancangan Bandar dan Desa selaras dengan semangat tanggungjawab bersama yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Akta 172 ini juga memuatkan dua bahagian baru dan memperkenalkan beberapa pendekatan baru khususnya dalam sistem rancangan pemajuan dan juga kawalan perancangan ke dalam Akta 172. Antara akta-akta yang berkaitan dengan Akta Perancang Bandar dan Desa ialah:

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- ii. Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)
- iii. Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486)
- iv. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- v. Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486)
- vi. Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)
- vii. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)
- viii. Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)
- ix. Akta Pemuliharaan Tanah 1960 (Akta 385)
- x. Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)
- xi. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341)

- xii. Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506)
- xiii. Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447)
- xiv. Akta Benda Purba 1976 (Akta 168)
- xv. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)

2.1.8 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)

Akta ini diluluskan oleh Parlimen di bawah subperkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan untuk memastikan keseragaman undang-undang di seluruh negara.

Dalam akta ini terdapat peruntukan undang-undang kecil seksyen 133, Bahagian VII (iii) aras dan lebar jalan-jalan dan pembinaan jalan-jalan, membina, membaiki, membersihkan, membasahkan dan menerangi dengan lampu jalan-jalan, terusan-terusan dan jambatan-jambatan dan menanam serta memelihara pokok-pokok.

2.1.9 Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)

Kanun Tanah Negara, Seksyen 135 dan 124 telah memperuntukkan syarat di mana bagi sesuatu kelulusan pecah sempadan memerlukan plan susun atur yang diperakukan oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kanun Tanah Negara memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan menentukan keperluan tanah lapang awam, jenis, keluasan dan kategorinya berasaskan dasar di bawah Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan yang diwartakan oleh Kerajaan Negeri.

Di bawah peruntukan ini juga ia memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menguruskan pemilikan, pengambilan balik tanah serta penyerahan tapak *Qualified Title* (QT) kepada pemilikan tanah atas lot-lot pemajuan seperti tanah lapang awam, peruntukan di bawah Seksyen 197 dan 204 Seksyen 62(1) boleh diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk memohon penyerahan, rizab dan pewartaan tanah lapang awam berkenaan supaya boleh memajukan tanah lapang awam berkenaan.

2.1.10 Akta Perkhidmatan Pembentungan 1993 (Akta 172)

Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) telah dipinda pada tahun 1993 dan dikenali sebagai (Akta A866) untuk memasukkan peruntukan berkaitan

dengan aktiviti pembentungan supaya selaras dengan Akta Perkhidmatan Pembentungan 1993 (Akta 508) yang diperkenalkan pada tahun yang sama. Suatu akta yang meminda dan menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan sistem pembentungan dan perkhidmatan pembentungan di seluruh Malaysia bagi memperbaiki kebersihan dan alam sekitar serta meningkatkan kesihatan awam untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

2.1.11 Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 385)

Akta Pengambilan Tanah 1960 telah disemak semula pada tahun 1992. Menurut akta ini, perkara 13, Perlembagaan Persekutuan, jelas menyatakan bahawa harta seseorang itu tidak diambil melainkan secara paksa melalui undang-undang yang sah iaitu Akta 486. Lazimnya, pengambilan secara paksa terlibat di dalam 3 keadaan iaitu :

- i. Untuk kegunaan awam (*public purpose*)
- ii. Untuk kegunaan pembangunan ekonomi; dan
- iii. Bagi tujuan perlombongan dan perkara yang berkaitan dengannya.

2.1.12 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313)

Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) ini merupakan akta yang memperuntukan bagi urusan yang berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan, pemuliharaan hutan dan pembangunan perhutanan dalam negeri-negeri di Malaysia. Rancangan pengurusan hutan adalah membawa maksud satu rancangan kendalian yang berhubung kait dengan pelbagai aktiviti serta program contohnya program silviculture, ekonomi serta kegiatan pemuliharaan hutan sama ada hutan simpan kekal dan lain-lain jenis hutan yang tertentu. Selain itu, akta ini juga memastikan pengambilan, penanaman semula dan pemuliharaan pokok-pokok adalah teratur mengikut prinsip tertentu yang telah ditetapkan.

2.1.13 Akta Perhilitan Dan Perlindungan Hidupan Liar 1972 (Akta 76)

Akta Perhilitan Dan Perlindungan Hidupan Liar 1972 (Akta 76) ini diwujudkan adalah bagi menyatukan undang-undang berhubungan dengan hidupan liar dan

selanjutnya bagi mengadakan peruntukan untuk memberi perlindungan kepada hidupan liar dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

Dalam akta ini telah mengariskan batasan seseorang penduduk memelihara mahupun mengurung hidupan liar ini. Selain itu, turut akan di kenakan denda yang maksimum kepada mana-mana pesalah yang menyalahgunakan kuasa ke atas hidupan liar.

2.1.14 Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) ini telah diwartakan pada 30 Ogos 2007, di bawah kementerian perumahan dan kerajaan tempatan (KPKT). Akta ini telah digubal bagi memastikan keseragaman undang-undang dalam pengawalan dan pengawalseliaan perkara-perkara yang berhubung kait dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah- Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

2.1.15 Garis Panduan Landskap Negara (GPLN)

Garis Panduan Landskap Negara edisi 2 (GPLN 2), tahun 2008 adalah merupakan semakan semula serta penambahbaikan ke atas Garis Panduan Landskap Negara yang telah diterbitkan pada tahun 1995. Penerbitan Garis Panduan Landskap Negara, 1995 oleh Unit Landskap, pada ketika itu di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) adalah dibuat berdasarkan keputusan kerajaan supaya satu buku garis panduan yang lengkap berkenaan cara mewujudkan serta memelihara landskap yang cantik dan sempurna dapat diterbitkan.

Secara umum, GPLN 2 merupakan usaha Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk memastikan panduan asas dalam perancangan dan pengawalan kualiti pembangunan landskap dijadikan asas dalam setiap pembangunan landskap di Malaysia. Ini penting untuk memastikan penghasilan pembangunan landskap yang berkualiti dan mampan ke arah menjadikan Malaysia sebagai Negara Taman Terindah.

Secara khusus, penerbitan GPLN 2 adalah bertujuan sebagai panduan asas kepada agensi-agensi pelaksana terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan untuk merancang, mengawal rekabentuk landskap, memantau pelaksanaan kawalan

pembangunan dan penyelenggaraan kerja-kerja pembangunan landskap yang dijalankan. GPLN 2 ini juga boleh diguna pakai sebagai bahan rujukan dan panduan kepada pemaju dan semua individu yang terlibat dalam pembangunan landskap dalam memastikan kualiti pembangunan landskap yang dihasilkan berkualiti terbaik.

2.1.16 Rumusan

Penerangan secara ringkas bagi setiap dasar-dasar pembangunan yang berkaitan dalam menyiapkan Laporan Deraf Akhir. Maklumat yang berkaitan dengan perkara di atas amatlah perlu dalam membantu menyempurnakan kajian Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Jerantut ini.

